



SIARAN MEDIA

TERIMA SAMBUTAN BAIK DARI MASYARAKAT - MPS KUTIP 390KG MINYAK MASAK TERPAKAI

Majlis Perbandaran Selayang telah berjaya mengumpul sebanyak 381 kilogram minyak masak terpakai melibatkan 135 penyertaan melalui Program Kitar Semula Minyak Masak MPS yang diadakan selama 2 hari bermula 24 hingga 25 Mei 2023. Jumlah ini telah meningkat sebanyak 246% dari jumlah kutipan yang diperolehi pada tahun 2022 iaitu sebanyak 110kg.

Untuk rekod, sepanjang tahun 2022 MPS berjaya mengutip keseluruhan sebanyak 4,154.5kg minyak masak terpakai dengan jumlah bayaran sebanyak RM6,231.75. Kutipan ini diperolehi melalui program-program kitar semula minyak masak yang dilaksanakan di seluruh kawasan komuniti dan juga melalui kerjasama pihak sekolah di pentadbiran Selayang.

Untuk mendidik generasi muda tentang kepentingan kitar semula dan alam sekitar, MPS turut mengadakan program pendidikan dan juga pertandingan pengumpulan bahan kitar semula di semua sekolah di bawah Program Bank Kitar Semula MPS.

Kutipan ini seterusnya dijual semula kepada syarikat pemprosesan untuk dijadikan bahan bio-diesel selain digunakan untuk penghasilan lilin dan dijadikan sebagai cenderahati korporat.

Di samping mengadakan program kitar semula ini, MPS turut mengambil kesempatan untuk meraikan Hari Guru, Hari Ibu dan Hari Jururawat yang disambut baru-baru ini dengan memberikan cenderamata istimewa kepada para peserta yang diraikan.

Untuk makluman, Program Kitar Semula Minyak Masak MPS ini merupakan program yang menyokong beberapa Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) antaranya :

- SDG 11 – *Sustainable Cities and Communities* (Bandar dan Komuniti Lestari);
- SDG 15 – *Life On Land* (Hidupan di Darat), dan;
- SDG 17 – *Partnerships For The Goals* (Perkongsian Matlamat),

Akhir sekali MPS ingin menyeru masyarakat untuk membudayakan amalan kitar semula dan menjaga kebersihan persekitaran bagi menjamin kualiti hidup dan kelestarian alam sekitar.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

**Mohamad Zin Bin Masoad, A.M.S.
Pengarah
Jabatan Korporat**

b.p.

**Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang**

26 Mei 2023